

PROGRAM PELAJAR GEMILANG SK GULUD

Oleh: Asniah Udin

Program Pelajar Gemilang telah dianjurkan oleh para pelajar SPPS yang mengambil Kursus Asas Penyelidikan Pendidikan pada semester lalu. Program ini dianjurkan di bawah kelolaan penyelar program iaitu Dr. Khalid Johari. Objektif program ialah untuk memberi motivasi kepada pelajar-pelajar yang terlibat serta pendedahan kepada pelajar tahun enam tentang peralihan ke sekolah menengah. Ia juga bertujuan untuk memupuk kerjasama dengan komuniti. Pihak sekolah SK. Sugud dengan kerjasama guru besar dan guru-guru bagi melaksanakan program ini. Pengarah program ialah Saudara Mohd. Suhaimy bin Razin. Seramai lebih daripada 100 orang pelajar SPPS mengikuti program ilmiah ini.

